

HEMAT BERBELANJA BAHAGIAKAN

RUMAH TANGGA

22 DISEMBER 2023 | 09 JAMADILAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمُحَمَّدُ وَسَتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَن يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَن يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَّاحِيهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 14:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رُّبِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقْنَطَرَةِ مِنَ
الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْحَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحُرْثُ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَاللّٰهُ عِنْدَهُو حُسْنُ الْمَعَابِ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, daripada emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa manusia dikurniakan dengan kesukaan kepada beberapa perkara. Antaranya ialah harta benda atau kekayaan. Islam tidak menghalang umatnya mencari harta asalkan ia datang daripada sumber yang halal. Harta

benda ini hendaklah dibelanjakan untuk memberi manfaat bagi kehidupan manusia di dunia ini.

Akhir-akhir ini kita menghadapi isu kenaikan kos sara hidup dan harga barang keperluan yang membebankan menyebabkan sebahagian daripada kita terbeban terutama golongan berpendapatan kecil.

Tugas mencari pendapatan untuk menyara keluarga terletak di bahu seorang suami atau bapa. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah Saba' ayat 36:

قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ

وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ^{٣٦}

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan (bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).”

Islam menggariskan beberapa panduan dalam menguruskan kewangan. Apabila berbelanja, janganlah kita mengikut hawa nafsu. Utamakanlah keperluan keluarga terlebih dahulu seperti bekalan makanan dan barang dapur. Disiplinkan diri dengan mengasingkan sebahagian harta atau gaji untuk disimpan bagi kegunaan kecemasan ataupun kegunaan masa depan.

Seperti kebiasaan pada hujung tahun begini, cuti persekolahan dimanfaatkan juga untuk membeli keperluan persekolahan anak-anak. Sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab, pastikan keperluan asas anak-anak yang bersekolah seperti pakaian, kasut, beg, alat tulis dan lain-lain berada dalam keadaan baik. Utamakan perbelanjaan kelengkapan persekolahan anak-anak melebihi perkara-perkara lain yang kurang penting.

Berhati-hatilah membeli barang secara berhutang dan kawal diri jika kita menggunakan kad kredit, bimbang nanti kita terperangkap dalam hutang yang banyak sehingga jatuh muflis. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Isra' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhanmu.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Islam melarang umatnya melampaui batas berbelanja dalam perkara-perkara duniawi, apatah lagi membelanjakan wang ringgit ke arah kemaksiatan contohnya membeli perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam seperti arak, dadah, rokok, atau mempertaruhan wang dalam perjudian, membeli nombor ekor, menghabiskan duit dengan hiburan yang melampau dan seumpamanya.

Ingatlah setiap sen yang kita perolehi dan belanjakan, akan dihisab di akhirat kelak. Perkara ini ditegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud:

“*Tidak berganjak kedua kaki anak Adam di sisi Tuhanmu pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang lima perkara: ... (salah satunya ialah) tentang hartanya, dari mana ia perolehi dan ke mana ia belanjakan...”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kesimpulan khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, Islam telah meletakkan beberapa prinsip berbelanja yang perlu kita amalkan iaitu tidak melampaui batas atau boros, berjimat cermat tetapi tidak sampai kedekut, bersederhana dan mengutamakan keperluan utama berbanding perkara yang kurang diperlukan. Insya-Allah dengan mengamalkan sikap berhemah, berjimat cermat dan bersederhana dalam berbelanja, diri dan keluarga kita akan lebih bahagia dan harta kita lebih berkat.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud: “*Dan juga mereka (yang direndah Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.